



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 1/2025 (Pindaan No. 5)

MENTERI KEWANGAN melalui perenggan 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengecualikan pembayaran cukai perkhidmatan **berkuat kuasa 1 Julai 2025** bagi –

PERKHIDMATAN KEWANGAN

Kumpulan H, Jadual Pertama

Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

BIL.	PENGECEUALIAN	SYARAT-SYARAT
1.	Pengecualian cukai perkhidmatan ke atas semua perkhidmatan kewangan di dalam Jadual Pertama, Kumpulan H, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, tidak termasuk senarai perkhidmatan kewangan di LAMPIRAN A bagi tempoh dari 1 Julai 2025 hingga 30 September 2025. ▪ Penyediaan semua perkhidmatan kewangan yang dikenakan fi, komisyen atau bayaran yang serupa adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan mulai 1 Oktober 2025.	Tiada.
2.	Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri diberikan pengecualian daripada mengenakan dan pembayaran cukai perkhidmatan.	Pengecualian ini terpakai untuk perkhidmatan di bawah peluasan skop cukai baharu. Pengecualian daripada pembayaran cukai tidak terpakai kepada perkhidmatan yang telah dikenakan cukai sebelum 1 Julai 2025.



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
3.	Pihak berkuasa tempatan (PBT) diberikan pengecualian daripada mengenakan dan pembayaran cukai perkhidmatan bagi tempoh 1 Julai 2025 hingga 30 September 2025. Perkhidmatan yang diberikan atau diperoleh mulai 1 Oktober 2025 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.	Tiada.
4.	Kontrak yang tidak boleh dikaji semula (<i>non-reviewable contracts</i>) diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan bagi tempoh 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026. Perkhidmatan yang diberikan mulai 1 Julai 2026 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.	(a) Penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar cukai perkhidmatan; (b) Kontrak tersebut tidak mengandungi klausa semakan semula harga atau apa-apa mekanisme pelarasan nilai; (c) Kontrak dibuat secara bertulis, ditandatangani dan disetemkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebelum atau pada 9 Jun 2025; (d) Kontrak dengan jelas menyatakan: (i) jenis perkhidmatan yang disediakan; (ii) nilai kontrak yang tetap (tidak berubah); (iii) tempoh kontrak; dan (iv) Kontrak masih berkuat kuasa selepas 1 Julai 2025. dan; (e) Perkhidmatan berkenaan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan sebelum 1 Julai 2025.



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
5.	Perkhidmatan kewangan yang diterima oleh orang berdaftar [i.e Kemudahan <i>business to business (B2B)</i>] diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan.	a) Penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018; b) Penerima perkhidmatan adalah orang berdaftar yang dinyatakan dalam ruang (1), Kumpulan H, dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018; c) Perkhidmatan kewangan bercukai yang diperoleh digunakan untuk tujuan menyediakan perkhidmatan berikut: (i) perkhidmatan kewangan bercukai yang dinyatakan dalam ruang (2) Kumpulan H, dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018; (ii) perkhidmatan kewangan yang berhubungan dengan barang, tanah atau perkara di luar Malaysia tidak termasuk transaksi kiriman wang keluar Malaysia; (iii) perkhidmatan kewangan yang berkait secara langsung dengan barang yang dieksport keluar dari Malaysia; d) Pengecualian ini tidak terpakai sekiranya digunakan bagi pemberian perkhidmatan berikut:



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
		(i) Perkhidmatan pembrokeran yang diberikan pengecualian dari pembayaran cukai berkaitan dagangan saham yang dinyatakan di Butiran 12, Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 1/2025 ini; atau (ii) Perkhidmatan yang diberikan pengecualian dari pembayaran cukai yang disediakan oleh Bursa Malaysia seperti di Butiran 7, Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 1/2025 ini .
6.	Perkhidmatan kewangan diimport oleh penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar diberi pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan.	a) Perkhidmatan kewangan bercukai diperoleh daripada penyedia perkhidmatan kewangan di luar Malaysia; b) Penerima perkhidmatan adalah orang berdaftar yang dinyatakan dalam ruang (1), Kumpulan H, dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018; c) Perkhidmatan kewangan bercukai yang diperoleh digunakan untuk tujuan menyediakan perkhidmatan berikut: (i) perkhidmatan kewangan bercukai yang dinyatakan dalam ruang (2) Kumpulan H, dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018; (ii) perkhidmatan kewangan yang berhubungan dengan barang, tanah atau perkara di luar Malaysia tidak termasuk transaksi kiriman wang keluar Malaysia; atau



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
		(iii) perkhidmatan kewangan yang berkait secara langsung dengan barang yang dieksport keluar dari Malaysia; d) Pengecualian ini tidak terpakai sekiranya digunakan bagi pemberian perkhidmatan berikut: (i) Perkhidmatan pembrokeran yang diberikan pengecualian dari pembayaran cukai berkaitan dagangan saham yang dinyatakan di Butiran 12, Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 1/2025 ini; atau (ii) Perkhidmatan yang diberikan pengecualian dari pembayaran cukai yang disediakan oleh Bursa Malaysia seperti di Butiran 7, Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 1/2025 ini.
7.	Pengecualian dari pembayaran cukai perkhidmatan ke atas fi yang dikenakan oleh Bursa Malaysia seperti berikut; a) Fi penjelasan atau fi perdagangan (<i>clearing fee & trading fee</i>) yang dikenakan kepada broker berkaitan dengan dagangan saham tersenarai di Bursa Malaysia; atau	Tiada.



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
	b) Fi Penelitan dan Fi Pemprosesan (<i>Perusal Fee and Processing Fee</i>) ke atas perkhidmatan kawal selia yang dikenakan ke atas penerbit (<i>issuer</i>) dan syarikat tersenarai (<i>listed companies</i>), bagi; i. Permohonan untuk disenaraikan di pasaran ACE atau pasaran LEAP; ii. Permohonan untuk terbitan bonus (<i>bonus issues</i>) dan terbitan hak (<i>rights issues</i>) untuk pasaran MAIN, ACE and LEAP; atau iii. Penelitian Surat Pekeliling (<i>Perusal of Circulars</i>) untuk pasaran MAIN dan ACE.	



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
8.	Pengecualian pembayaran cukai perkhidmatan ke atas fi yang dikenakan mengikut prinsip Syariah dalam penyediaan perkhidmatan kewangan Islam.	a) Penyedia perkhidmatan kewangan Islam adalah orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018; b) Perkhidmatan kewangan tersebut; i. patuh syariah; ii. merupakan perkhidmatan kewangan Islam sokongan kepada perkhidmatan kewangan Islam yang lain yang merupakan perkhidmatan kewangan Islam yang utama; dan iii. merupakan sebahagian penting daripada struktur perkhidmatan kewangan Islam yang utama itu bagi maksud pematuhan kepada prinsip syariah; c) Fi yang dikenakan ke atas perkhidmatan kewangan Islam tersebut tidak ada persamaan dengan perkhidmatan yang ditawarkan secara konvensional; dan d) Fi tersebut merupakan bayaran untuk perkhidmatan kewangan Islam yang diperihalkan dalam perenggan (b) dan (c) dan tidak dikenakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan Islam secara berasingan daripada struktur perkhidmatan kewangan Islam yang utama itu.



BIL.	PENGECCUALIAN	SYARAT-SYARAT
9	Pengecualian pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengurusan bagi dana harga tetap di bawah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), termasuk: (a) Amanah Saham Bumiputera (ASB); atau (b) Amanah Saham Malaysia (ASM).	Tiada
10.	Pengecualian pembayaran cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan kewangan berasaskan fi ke atas urus niaga berkaitan sekuriti yang diterbitkan dan dijamin oleh kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.	(a) Penyedia perkhidmatan kewangan adalah orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 atau penyedia perkhidmatan kewangan di luar Malaysia; (b) Perkhidmatan kewangan yang dikenakan fi ke atas sekuriti tersebut adalah berkaitan secara langsung dengan: (i) Pembelian, penjualan dan pemindahan; (ii) Penjagaan selamat (<i>custody</i>); (iii) Penjelasan (<i>clearing</i>); (iv) Penyelesaian (<i>settlement</i>); atau (v) Pentadbiran urus niaga. (c) Perkhidmatan kewangan tersebut bukan perkhidmatan nasihat (<i>advisory</i>) atau rundingan (<i>consultation</i>). (d) Sekuriti yang diterbitkan secara konvensional atau patuh Syariah, yang membuktikan keberhutangan, iaitu: (i) Bon / sukuk, (ii) Debentur, dan (iii) Nota atau surat cara lain



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
11	Pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perolehan perkhidmatan insurans semula (<i>re-insurance</i>) atau perkhidmatan takaful semula (<i>re-takaful</i>) oleh syarikat insurans atau syarikat takaful	(a) Penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 atau penyedia perkhidmatan kewangan di luar Malaysia; (b) Penerima perkhidmatan adalah orang berdaftar yang dinyatakan dalam ruang (1), Kumpulan H, dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018; (c) Perkhidmatan insurans semula atau takaful semula yang diperolehi digunakan untuk tujuan menyediakan perkhidmatan insurans perubatan, takaful perubatan, insurans hayat atau takaful keluarga



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
12.	Pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perolehan perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham. ▪ Butiran ini dipindahkan dari Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 3/2021 bertarikh 31 Disember 2021. ▪ Pengecualian ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022.	(a) Penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dan (b) Pengecualian hanya terpakai ke atas dagangan saham yang tersenarai di Bursa Malaysia.
13.	Pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas fi atau komisen yang dikenakan ke atas perkhidmatan platform dagangan komoditi tempatan. ▪ Butiran ini dipindahkan dari Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 8/2024 bertarikh 26 Disember 2024. ▪ Pengecualian ini berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2024. ▪ Mana-mana cukai perkhidmatan yang telah dikutip daripada pelanggan sehingga 30 September 2024 mesti diremit kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berdasarkan seksyen 26, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.	(a) Penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018; (b) Penerima perkhidmatan adalah penyedia perkhidmatan kewangan; dan (c) Fi atau komisen yang ditanggung penerima perkhidmatan adalah bagi tujuan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan Islam kepada pelanggan.



	▪ Tiada bayaran balik (<i>refund</i>) cukai perkhidmatan dibenarkan kepada mana-mana orang yang telah membayar cukai perkhidmatan sebelum 1 Oktober 2024. ▪ JKDM berhak mengutip semula cukai perkhidmatan daripada mana-mana penyedia perkhidmatan yang bertanggung berdaftar di bawah subseksyen 12(2), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 tetapi masih belum berdaftar cukai perkhidmatan atau telah berdaftar tetapi tidak meremitkan cukai perkhidmatan tersebut selaras dengan perundangan semasa yang berkuat kuasa.	
14.	Pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas fi atau komisen yang dikenakan ke atas operasi <i>Transactional Investment Account</i> (TIA-i) ▪ Pengecualian ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2026. ▪ Tiada tuntutan bayaran balik (<i>refund</i>) cukai perkhidmatan kepada mana-mana orang yang telah membayar cukai perkhidmatan bagi tempoh bermula 1 Julai 2025 sehingga 31 Mei 2026. ▪ Permohonan tuntutan bayaran	(a) Penyedia perkhidmatan TIA-i adalah orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018; (b) TIA-i hendaklah mematuhi prinsip syariah di bawah <i>Islamic Financial Services Act 2013</i>; (c) TIA-i hendaklah merupakan akaun yang berfungsi dan mempunyai tujuan yang sama seperti akaun simpanan atau akaun semasa (CASA) seperti bagi kegunaan transaksi harian dan tidak mempunyai <i>locked-in period</i>; dan (d) Fi atau komisen yang dikenakan hendaklah berhubung dengan pengendalian TIA-i bagi perkhidmatan-perkhidmatan berikut: (i) simpanan, pengeluaran, pembayaran atau pindahan wang;



	balik cukai perkhidmatan bagi tempoh bermula 1 Jun 2026 hendaklah mengikut prosedur biasa JKDM.	(ii) pengeluaran kad debit; (iii) transaksi asas di kaunter; (iv) transaksi asas di mesin pengeluaran wang automatik; atau (v) cetakan penyata akaun.
--	---	--

**Untuk maklumat lanjut, terperinci atau syarat-syarat tambahan berkaitan dasar ini, sila rujuk Panduan Cukai Perkhidmatan ke atas Perkhidmatan Kewangan di laman web MySST.*



LAMPIRAN A

SENARAI PERKHIDMATAN KEWANGAN YANG TERTAKLUK KEPADA CUKAI PERKHIDMATAN MULAI 1 JULAI 2025 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2025 YANG DISEDIAKAN OLEH MANA-MANA ORANG KENA CUKAI DALAM KUMPULAN H, JADUAL PERTAMA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 2018.

(A) Pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kewangan berasaskan fi, komisen atau bayaran yang seumpamanya dalam fasa pertama adalah seperti berikut:

1. Perbankan/perkhidmatan kewangan konvensional dan Islam atau perkhidmatan yang serupa;

1.1 Treasury Services or similar services;

Kemudahan Kredit (credit facility) atau perkhidmatan yang seumpamanya serta fi yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan ialah facility fee bagi pengurusan dan penetapan had (arranging and marking limit).

1.2 Corporate Banking Advisory Services or similar services;

Perkhidmatan pasaran global (Global markets) dan perundingan perbankan korporat (corporate banking advisory) atau perkhidmatan yang seumpamanya serta fi atau caj yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah seperti berikut;

- a) *Structuring of securities fee*
- b) *Processing fee*
- c) *Participation in deals fee*
- d) *Pass-through deal fee*
- e) *Upfront fee*
- f) *Administrative charges*
- g) *Letter of undertaking, support or credit advice charges*
- h) *Annual review of facilities fee*
- i) *Restructuring/rescheduling fee*
- j) *Extension fee*

2. Perbankan pelaburan atau perkhidmatan yang serupa;

2.1 Debt Markets;



Perkhidmatan penyelaras (arranger), ejen kemudahan (facility agent) atau perkhidmatan yang seumpamanya serta fi atau caj yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah seperti berikut;

- a) *Arranger fee*
- b) *Facility Agent Service fee*
- c) *Agency fee*
- d) *Administrative charges*

2.2. Equity Markets;

2.2.1 Perkhidmatan yang berkaitan dengan;

- a) *Initial Public Offering (IPO);*
- b) *Offer for Sale;*
- c) *Divestments;*
- d) *Placements;*
- e) *Special Issues;*
- f) *Related Issues*
- g) *Merger & Acquisitions;*
- h) *Takeovers;*
- i) *Restructuring;*
- j) *Capital Reduction;*
- k) *Share Split;*
- l) *Share Consolidation;*
- m) *Bonus Issues;*
- n) *Employee stock option scheme (ESOS); or*
- o) *Share Grant*

2.2.2 Sebarang produk yang seumpamanya dalam perenggan (2.2.1) dan dikenakan fi seperti berikut;

- a) *Structuring of securities fee*
- b) *Introductory Fee for Introducing Clients*
- c) *Performance Fee for Successful Deal*
- d) *Incentive Fee - Discretionary Amount by Issuer*
- e) *Success Fee for Successful Deal*

3. Perkhidmatan BURSA Malaysia

Sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh BURSA Malaysia dan yuran yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah seperti berikut;

- a) *Initial Listing Fees charged to issuers;*
- b) *Annual Listing Fees charged to issuers;*



- c) *Additional Listing Fees charged to issuers; or*
- d) *Member services and connectivity fees*

4. Perkhidmatan lain

Sebarang perkhidmatan yang telah dikenakan cukai perkhidmatan sebelum 1 Julai 2025.

(B) Perkhidmatan kewangan selain daripada senarai di atas diberikan pengecualian cukai perkhidmatan dalam fasa pertama.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**



SENARAI PINDAAN

NO.	RUJUKAN	DISKRIPSI	TARIKH KUAT KUASA	PERUBAHAN
1.	Butiran 5 (d) (i)	Memotong ayat “dalam surat Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2021 (DCP 3/2021)” Memasukkan ayat “Butiran 12, Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 1/2025 ini”	1.7.2025	Pindaan
2.	Butiran 6 (d) (i)	Memotong ayat “dalam surat Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2021 (DCP 3/2021)” Memasukkan ayat “Butiran 12, Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 1/2025 ini”	1.7.2025	Pindaan
3.	Butiran 12	Tambah perenggan baru	01.01.2022	Tambahan
4.	Butiran 13	Tambah perenggan baru	01.10.2024	Tambahan
5.	Butiran 14	Tambah perenggan baru	01.06.2026	Dasar